

ialah Abu Saleh al-Sammaan. Namanya Zakwaan.³⁵ Para ulama berbeza pendapat tentang nama sebenar Abu Hurairah. Ada yang mengatakan namanya 'Abdu Syams. Ada (pula) yang mengatakan namanya ialah 'Abdullah bin 'Amar. Inilah pendapat Muhammad bin Ismail (Imam Bukhari), dan inilah yang lebih sahih.

Abu 'Isa berkata (lagi): "Berhubung dengan bab ini ada riwayat daripada 'Utsman bin 'Affaan, Tsaubaan, as-Shunabihi, 'Amar bin 'Abasah, Salman dan 'Abdullah bin 'Amar.³⁶ As-Sunabihi yang meriwayatkan hadits daripada Nabi s.a.w berkenaan dengan

berhubung dengan riwayat lain yang dikemukakan di dalam kitab ini begini: "Hadits ini adalah *sahih*, *hasan* dan *gharib*." Mengikut kaedah yang biasa, penilaian hadits oleh Imam Tirmizi ini adalah sesuatu yang mustahil kerana apabila mana-mana hadits sudah sahih ia tidak akan menjadi gharib (dengan erti dha'if) lagi. Begitu juga sebaliknya. Kata-kata Imam Tirmizi itu memang dimaksudkan dengan hadits yang diisyratkannya di dalam *fil-bab*. Tiada lagi penjelasan lain yang lebih meyakinkan. Pasti di antara sekian banyak hadits yang diisyratkan *di dalam fil-bab*, terdapat hadits-hadits yang menepati kata-kata Imam Tirmizi. Sama ada ia sahih, hasan mahupun dha'if. Dengan menggunakan pendapat ini segala kekeliruan berhubung dengan kata-kata Imam Tirmizi ini akan terungkai. والله أعلم بالصواب.

³⁵ Bagi mengelakkan timbulnya kekeliruan dan silap pengecaman, Imam Tirmizi di dalam komen ini telah memberikan penjelasan tentang siapakah yang dimaksudkan dengan Abu Saleh. Abu Saleh yang terdapat di dalam isnad hadits ini adalah yang dikenali dengan gelaran as-Sammaan. Nama beliau yang sebenarnya ialah Zakwan. Tindakan segera Imam Tirmizi dalam memperjelaskan hal ehwal perawi adalah untuk membiasakan para pelajar dan pembaca kitabnya mengenali status, kedudukan dan lain-lain berhubung dengan seseorang perawi hadits. Ia amat berfaedah untuk mengenalpasti dan menjelaskan kekeliruan yang mungkin timbul tentang perawi yang disebut, lebih-lebih lagi perawi yang biasa dikenali dengan kuniahnya. Dengan mengetahui namanya yang sebenar masalah dan kekeliruan tadi tidak akan timbul. Jika ianya masih tidak mencukupi, Imam Tirmizi akan menyebutkan pula gelaran atau *laqab*nya. Sebagai contohnya, Abu Saleh yang tersebut di dalam sanad hadits ini, gelarannya adalah as-Samman. Maksud as-Samman ialah penjual, pembuat atau pedagang minyak sapi. Abu Saleh mendapat gelaran ini kerana kerjayanya itu. Dalam pada Imam Tirmizi memperkenalkan identiti Abu Saleh itu pun masih ada lagi yang terkeliru, seperti kata pengarang Tuhfatu al-Ahwazi bahawa: Pengarang at-Thib as-Syazi terkeliru di sini, kerana dia mengatakan Abu Saleh ayah Suhail yang tersebut di dalam isnad hadits ini namanya ialah Mina', maula (seorang hamba bebasan puak) Dhuba'ah, seorang perawi yang lemah (لين الحديث) daripada thabaqah ketiga. Entah macam mana dia boleh terkeliru, padahal Imam Tirmizi telah menjelaskan identiti Abu Saleh dengan sejelas-jelasnya dan menandakan pula taraf hadits ini dengan mengatakan hasan sahih. Kalau Abu Saleh itu Mina', seorang perawi yang lemah seperti dikatakannya, bagaimana Imam Tirmizi boleh menghukum hadits ini hasan sahih?!

³⁶ Hadits 'Utsman bin 'Affaan telah dikemukakan oleh Muslim, Ahmad, Abu 'Awaanah, al-Bazzaar, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain dengan lafaz: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ:

kelebihan bersuci ini ialah `Abdullah as-Shunabihi. Manakala as-Shunabihi yang meriwayatkan daripada Abi Bakr al-Shiddiq, dia tidak (tsabit) mendengar (sesuatu hadits secara langsung) daripada Nabi s.a.w. Namanya ialah `Abdur Rahman bin `Usailah. Kuniahnya (nama panggilannya) ialah Abu `Abdillah. Beliau telah berangkat untuk pergi bertemu dengan Nabi s.a.w., tetapi Baginda s.a.w. telah pun wafat ketika beliau dalam perjalanan. Walaubagaimanapun beliau ada meriwayatkan beberapa hadits daripada Nabi s.a.w. As-Shunabih bin al-A'sar al-Ahmasi pula adalah sahabat Nabi s.a.w. Beliau juga dikenali dengan as-Shunabihi. Hadits yang dinukilkan daripadanya hanyalah hadits berikut: "Saya mendengar Nabi s.a.w bersabda: "Sesungguhnya aku akan berbangga dengan ramainya bilangan kamu di hadapan umat-umat yang lain. Oleh itu janganlah sekali-kali kamu berbunuh-bunuhan sesudahku."³⁷

الْوُضوءُ خَرَجَتْ خَطَايَاهُ مِنْ جَسَدِهِ حَتَّى تَخْرُجَ مِنْ تَحْتِ أَظْفَارِهِ. Hadits Tsaubaan telah dikemukakan oleh Malik, Ahmad, Ibnu Majah, Daarimi dan lain-lain. Hadits as-Shunaabihi dikemukakan oleh Malik, Nasaa'i, Ibnu Majah dan Haakim. Hadits `Amar bin `Abasah telah dikemukakan oleh Muslim. Hadits Salman dikemukakan oleh Baihaqi di dalam Syu'abul Imannya dengan lafaz: إِذَا تَوَضَّأَ الْعَبْدُ تَحَاثَّ عَنْهُ ذُنُوبُهُ كَمَا تَحَاثُّ وَرَقُ هَذِهِ الشَّجَرَةِ Bermaksud: "Apabila seseorang hamba berwudhu", berguguranlah dosanya sebagaimana bergugurannya dedaun pokok ini." Imam Ahmad, an-Nasaa'i, at-Thabaraani dan Abu Daud at-Thayalisi di dalam Musnadnya juga meriwayatkan hadits Salman ini dengan sedikit perbedaan pada lafaznya. Bagaimanapun riwayat semua mereka adalah dha'if, kerana terdapat di dalam isnadnya `Ali bin Zaid bin Jud'aan. Dialah madaar bagi hadits yang diriwayatkan itu dan dia adalah seorang perawi dha'if. Hadits `Abdullah bin `Amar bin al-Aash diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Ya'la dan at-Thabaraani.

³⁷ Imam Tirmizi menyebutkan semua ini untuk memberitahu bahawa terdapat tiga orang perawi yang dikenali dengan as-Shunabihi. **Pertamanya** ialah `Abdullah as-Shunabihi. **Keduanya** ialah `Abdur Rahman bin `Usailah yang dipanggil Abu `Abdillah. Abu `Abdillah ini bukan sahabat. Beliau ada meriwayatkan hadits daripada Sayyidina Abu Bakar. Beberapa hadits yang dikatakan diriwayatkan oleh beliau daripada Nabi s.a.w. adalah riwayat mursal kesemuanya. Hadits-hadits tersebut diambil beliau daripada sahabat-sahabat Baginda s.a.w. Rasulullah s.a.w. wafat lima hari sebelum Abu `Abdillah ini tiba ke Madinah untuk menemui Baginda s.a.w. **Ketiganya** ialah as-Shunabih bin al-A'sar al-Ahmasi. Beliau adalah sahabat Rasulullah s.a.w. sebagaimana as-Shunabihi yang pertama. Beliaulah sahabat yang meriwayatkan hadits أَنِّي مُكَاتِّرٌ بِكُمْ الْأُمَمَ فَلَا تَقْتُلُنَّ بَعْدِي Bermaksud: "Sesungguhnya aku akan berbangga dengan ramainya bilangan kamu di hadapan umat-umat yang lain. Oleh itu janganlah sekali-kali kamu berbunuh-bunuhan sesudahku." (Hadits riwayat Ahmad, Abu Ya'la, Ibnu Abi Syaibah, al-Humaidi, at-Thabaraani, Ibnu Majah dan lain-lain). Apa yang hendak disampaikan oleh Imam Tirmizi ialah dua orang daripada perawi yang dikenali dengan as-Shunabihi adalah sahabat, manakala seorang lagi tidak tergolong sebagai sahabat. Dia termasuk di kalangan *mukhadhramin* (المخضرمين), iaitu orang-orang Islam yang sempat dengan zaman Nabi s.a.w. tetapi tidak sempat bertemu dengan Baginda

s.a.w. Melalui penerangan Imam Tirmizi ini jelaslah bahawa: (1) Riwayat daripada 'Abdur Rahman bin 'Usailah as-Shunabihi atau Abu 'Abdillah as-Shunabihi daripada Nabi s.a.w. adalah riwayat mursal. (2) Terdapat dua orang perawi yang dikenali dengan as-Sunabihi dari kalangan sahabat. Salah seorang daripadanya meriwayatkan hadits tentang kelebihan wudhu' dan yang seorang lagi meriwayatkan hadits yang menyatakan kebanggaan nabi dengan umatnya yang ramai. **Imam Tirmizi juga mempunyai** tujuan yang lain tatkala beliau mengemukakan komennya tentang as-Shunabihi. Beliau mahu mengisytarkan kepada perselisihan 'ulama' tentang perawi ini. Kedua-dua guru utama Imam Tirmizi iaitu Imam Bukhari dan Imam 'Ali Ibnu al-Madini mengatakan telah berlaku kekeliruan kepada Imam Malik berkenaan as-Shunabihi. Mereka berdua mengatakan tidak pernah ada perawi dari kalangan sahabat yang dikenali dengan 'Abdullah as-Shunabihi. Perawi sebenar yang meriwayatkan hadits berkenaan kelebihan air sembahyang ini adalah Abu 'Abdillah as-Shunabihi. Riwayat ini juga adalah riwayat mursal kerana Abu 'Abdillah tidak sempat bertemu dengan Nabi s.a.w. Sebagai implikasi daripada kenyataan itu, kedudukan riwayat ini menjadi lebih rendah. Kerana perselisihan inilah terdapat di dalam sesetengah naskhah Tirmizi cetakan Arab, as-Shunabihi yang dibincangkan oleh Tirmizi adalah Abu 'Abdillah as-Shunabihi, bukannya 'Abdullah as-Sunabihi. Bagaimanapun Imam Tirmizi tidak bersetuju dengan pandangan kedua-dua orang gurunya itu. Beliau tetap berpandangan Imam Malik tidak terkeliru di dalam hal ini. Sebabnya jika diteliti di dalam kitab-kitab rijal sahabat, nama 'Abdullah as-Sunabihi memang boleh didapati. Persoalan kenapa Imam Bukhari tidak menemukannya di dalam kitab rijal tidak dapat dijelaskan oleh 'ulama'. Apa yang perlu sekali difahami ialah tidak semestinya pengetahuan dan ilmu seseorang tokoh yang terbilang seperti Imam Bukhari dan lain-lain tokoh seumpamanya mencakupi setiap perkara. Menganggap mereka tidak mungkin melakukan sebarang kesilapan juga satu sikap yang melampau. Tidak ada satu pun ketetapan dalam agama mengatakan, pendapat seseorang guru perlu diterima kesemuanya dan tidak boleh dibantah. Imam Tirmizi menukikan di dalam kitabnya sebagaimana yang dipegang oleh Imam Malik bagi menunjukkan secara halus dan tidak langsung bahawa beliau menyetujui apa yang dikatakan oleh Imam Malik. Memang didapati di dalam sejarah, tiga orang perawi yang dikenali dengan panggilan as-Shunabihi. Riwayat Imam Malik daripada 'Abdullah as-Sunabihi adalah tepat. Apa yang Imam Tirmizi kemukakan di dalam kitabnya berkenaan as-Shunabihi ini sebenarnya merupakan suatu kritikan secara halus terhadap pandangan gurunya, Imam Bukhari. Adab sopan di antara seorang guru dengan murid serta sikap hormat terhadap Imam Bukhari membuatkan beliau mengutarakan kritikan dengan caranya yang tersendiri. Hal seumpama ini juga boleh dilihat pada sikap Imam Bukhari tatkala beliau mengkritik pandangan Imam Abu Hanifah. Beliau tidak menyebutkan nama Imam Abu Hanifah secara terang, sebaliknya hanya menggunakan identiti بعض الناس (sesetengah orang) dengan katanya قال بعض الناس (sesetengah orang berkata). Terserah kepada orang ramai sama ada dapat memahaminya atau tidak. Namun mereka yang mendalami bidang ini pasti akan dapat memahami dan menemui jawapan bagi isyarat yang diberikan Bukhari itu.

٣- باب مَا جَاءَ أَنَّ مِفْتَاحَ الصَّلَاةِ الطُّهُورُ

3- Bab Tentang Kunci Shalat Itu ialah Suci.³⁸

٣- حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ وَهَّادٌ وَخُمُودُ بْنُ عَيَّالَانَ قَالُوا حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ سُفْيَانَ ح وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ مَهْدِيٍّ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُحَمَّدٍ بْنِ عَقِيلٍ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ الْحَنْفِيَّةِ عَنْ عَلِيِّ بْنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ الطُّهُورُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ. قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا الْحَدِيثُ أَصَحُّ شَيْءٍ فِي هَذَا الْبَابِ وَأَحْسَنُ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ عَقِيلٍ هُوَ صَدُوقٌ وَقَدْ تَكَلَّمَ فِيهِ بَعْضُ أَهْلِ الْعِلْمِ مِنْ قَبْلِ حِفْظِهِ قَالَ أَبُو عِيسَى وَ سَمِعْتُ مُحَمَّدَ بْنَ إِسْمَاعِيلَ يَقُولُ كَانَ أَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ وَإِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ وَالْحَمِيدِيُّ يَحْتَجُّونَ بِحَدِيثِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُحَمَّدٍ بْنِ عَقِيلٍ قَالَ مُحَمَّدٌ وَهُوَ مُقَارِبُ الْحَدِيثِ قَالَ أَبُو عِيسَى وَفِي الْبَابِ عَنْ جَابِرٍ وَأَبِي سَعِيدٍ

3- Qutaibah, Hannaad³⁹ dan Mahmud bin Ghailaan⁴⁰ meriwayatkan kepada kami, kata mereka: Wakii⁴¹ meriwayatkan kepada kami daripada Sufyaan.⁴² (Kata Imam Tirmizi

³⁸ Tajuk bab yang dibuat Tirmizi ini adalah permulaan lafaz (matan) hadits yang dikemukakan di bawah nanti.

³⁹ Sedikit keterangan tentang latar belakang Qutaibah dan Hannaad telah pun berlalu pada nota: 6 dan 9. Lihatlah di sana.

⁴⁰ Al-'Adawi al-Marwazi. Kurnia beliau ialah Abu Ahmad. Mahmud bin Ghailaan adalah seorang tokoh Sunnah. Beliau meriwayatkan hadits daripada Sufyan bin 'Uyainah, Fadhal bin Musa, al-Walid bin Muslim, Abi 'Awaanah, Wakii dan lain-lain. Selain Abu Daud, semua pengarang enam kitab utama hadits meriwayatkan hadits daripada beliau. Kata Ahmad bin Hanbal, Mahmud bin Ghailaan adalah seorang yang paling 'arif tentang hadits, beliau juga seorang tokoh Sunnah. Imam an-Nasaa'i pula mengatakan beliau seorang tsiqah. Mahmud bin Ghailaan meninggal dunia pada tahun 239H.

⁴¹ Sedikit sebanyak keterangan tentang latar belakang Wakii telah pun diberikan pada nota: 11 yang lalu. Lihatlah di sana.

⁴² Nama dan salasilah lengkap keturunan beliau ialah Sufyan bin Sa'id bin Masruq ats-Tsauri al-Kuufi. Kurnianya ialah Abu 'Abdillah. Sufyan ats-Tsauri adalah seorang tsiqah, hafiz, faqih, 'abid, imam dan hujjah. Salah seorang tokoh thabaqh ketujuh. Beliau kadang-kadang melakukan tadlis. Sufyan ats-Tsauri lahir pada tahun 77H dan meninggal dunia pada tahun 161H. Kata Hafiz Ibnu Hajar di dalam Thabaqaat al-Mudallisin, perawi-perawi mudallis itu ada banyak peringkatnya. Pertama ialah golongan yang jarang sekali dikatakan begitu, seperti Yahya bin Sa'id al-Anshaari. Kedua ialah golongan yang tadlisnya dapat diterima para imam hadits. Riwayat mereka tetap di masukkan ke dalam kitab-kitab sahih, memandangkan ketokohnya dan sedikit pula tadlis yang dilakukan, dinisbahkan kepada sekian banyak riwayat yang dikemukakannya, seperti Sufyan ats-Tsauri. Dan ketiga ialah golongan yang tidak melakukan tadlis melainkan daripada perawi yang tsiqah, seperti Sufyan bin 'Uyainah.

lagi),⁴³ Muhammad bin Basysaar⁴⁴ (juga) meriwayatkan kepada kami, katanya: Abdur Rahman bin Mahdi⁴⁵ meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyaan⁴⁶ meriwayatkan

⁴³ Ini ialah terjemahan yang dipilih penulis untuk menterjemahkan kata singkatan ح selepas perkataan سفیان dan sebelum kata Imam Tirmizi وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ. Perbincangan tentangnya telah pun berlalu dengan panjang lebar di bawah nota: 10 yang lalu. Sila lihat di sana.

⁴⁴ Beliau digelar Bundaar. Bun dalam bahasa Farsi bererti buku, buku tulis atau buku catatan. Dar pula bererti empunya atau yang mempunyai. Beliau digelar begitu kerana mempunyai buku-buku catatan hadits yang dicatatnya dengan amat teliti. Imam az-Zahabi di dalam Tazkiratu al-Huffaaz menyebutkan, Bundar seorang hafiz besar dan imam. Nama sebenarnya ialah Muhammad bin Basysyar bin 'Utsman al-'Abdi al-Bashri an-Nassaaj. Beliau ialah seorang alim hadits di Bashrah, teguh dan kukuh (dalam riwayatnya). Muhammad bin Basysyar tidak mengembara dan merantau ke mana-mana untuk mencari ilmu semasa hayat ibunya, semata-mata untuk berkhidmat kepadanya. Beliau baru merantau untuk mencari ilmu setelah ibunya meninggal dunia. Beliau telah menerima hadits daripada Mu'tamir bin Sulaiman, Ghundar, Yahya bin Sa'id dan perawi-perawi yang seangkatan dengan mereka. Ramai sekali tokoh-tokoh hadits menerima hadits daripadanya. Kata Abu Haatim, Muhammad bin Basysyar adalah shaduq. Al-'ijli pula berkata, beliau tsiqah, banyak meriwayatkan hadits. Di dalam Kitab at-Tauhid Ibnu Khuzaimah berkata: حَدَّثَنَا إِمَامُ أَهْلِ زَمَانِهِ فِي الْعِلْمِ وَالْأَخْبَارِ مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ Bermaksud: "Imam orang-orang di zamannya dalam ilmu dan hadits, Muhammad bin Basysyar meriwayatkan kepada kami." Kata az-Zahabi, pendapat orang-orang yang mendha'ifkan Muhammad bin Basysyar tidak perlu diambil kira. Para 'ulama' kemudiannya berijma' tentang boleh berhujjah dengan hadits-hadits yang diriwayatkannya. Muhammad bin Basysyar meninggal dunia pada tahun 252H.

⁴⁵ Abu Sa'id al-Bashri al-Lu'lu'i. seorang hafiz dan tokoh utama hadits. Beliau meriwayatkan hadits daripada 'Umar bin Zarr, 'Ikrimah bin 'Ammar, Syu'bah, ats-Tsauri, Malik dan ramai lagi tokoh-tokoh hadits yang lain. Orang-orang yang meriwayatkan hadits daripada beliau pula antara lainnya ialah Ibnu al-Mubarak, Ahmad dan Ibnu Ma'in. 'Ali Ibnu al-Madini berkata: "Orang yang paling alim tentang hadits ialah Ibnu Mahdi." Abu Haatim berkata: "Beliau seorang imam, tsiqah, lebih kemas daripada Yahya bin Sa'id al-Qatthaan dan lebih teliti daripada Wakii'." Kata Ahmad: "Apabila Ibnu Mahdi meriwayatkan hadits daripada seseorang, maka ia adalah hujah." Al-Qawariri pula berkata: "Ibnu Mahdi pernah mengimla'kan kepada kami berdasarkan hafalannya sebanyak dua puluh ribu hadits." 'Abdur Rahman bin Mahdi meninggal dunia pada tahun 198H di Bashrah ketika berumur 63 tahun. Beliau mengerjakan haji setiap tahun.

⁴⁶ Hadits ini dikemukakan oleh Imam Tirmizi melalui dua sanad (saluran riwayat). Sanad yang pertama melalui Qutaibah, Hannad dan Mahmud bin Ghailan. Ketiga-tiga guru Imam Tirmizi ini telah menerimanya daripada Wakii' yang meriwayatkannya daripada Sufyan. Selepas *tahwil sanad*, Imam Tirmizi mengemukakan pula saluran riwayat yang kedua. Ia berpunca daripada Muhammad bin Bassyar. Beliau menerima hadits daripada Abdur Rahman bin Mahdi. Abdur Rahman sepertimana dalam saluran riwayat yang pertama juga telah meriwayatkannya daripada Sufyan. Jalan kedua-dua riwayat hadits ini telah bertemu dan menjadi satu apabila tiba kepada Sufyan. Perawi bagi kedua-dua tariq ini selepas Sufyan ialah 'Abdullah bin Muhammad bin 'Aqil. Beliau menerima hadits ini daripada Muhammad bin al-Hanafiyyah daripada 'Ali daripada Nabi s.a.w. Bagaimanapun Imam Tirmizi tidak menjelaskan identiti Sufyan. Sufyan manakah yang dimaksudkan oleh beliau? Kekeliruan mungkin timbul di sini kerana terdapat dua orang perawi masyhur yang dikenali dengan nama Sufyan, iaitu Sufyan bin 'Uyainah dan Sufyan ats-Tsauri. Malah di dalam kitab-kitab hadits dan fiqh, apabila disebutkan *sufyanain*, maka ia merujuk kepada dua Sufyan yang disebutkan tadi. Kedua-duanya merupakan tokoh muhaddits

kepada kami daripada `Abdillah bin Muhammad bin `Aqil⁴⁷ daripada Muhammad bin al-Hanafiyyah⁴⁸ daripada `Ali (bin Abi Talib r.a.) daripada Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. bersabda: “Kunci shalat itu ialah suci,⁴⁹ *tahrimnya* takbir⁵⁰ dan *tahlilnya* taslim.”⁵¹

dan mujtahid yang amat terkenal dan banyak sekali boleh diketemukan pandangan dan pendapat mereka di dalam kitab-kitab hadits dan fiqh. Mereka hidup pada zaman yang sama, di samping berkongsi sekian ramai guru dan murid yang sama. Cuma para `ulama' mengatakan, Sufyan as-Tsauri lebih tua daripada Sufyan bin `Uyainah. Jadi menyebutkan Sufyan sahaja boleh mengundang kekeliruan tentang peribadi sebenar yang dimaksudkan. Kekeliruan ini sebenarnya boleh terhapus dengan melakukan pengkajian dan penyelidikan terhadap kitab-kitab *takhrij hadits*. Kitab-kitab *takhrij hadits* seperti Nasbu ar-Rayah menegaskan bahawa Sufyan yang dimaksudkan di dalam hadits ini adalah Sufyan ats-Tsauri. Beliau mempunyai mazhab dan pengikutnya yang tersendiri di zaman kegemilangan ilmu hadits dan fiqh. Namun pengaruhnya tidak kekal lama, kerana kemudiannya ia tidak diamalkan lagi oleh orang ramai. Pada masa kini pendapat dan ijtihadnya boleh didapati dan diketemukan di celah-celah kitab yang pelbagai. Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kasymiri di dalam *Arfu as-Syazinya* juga menyetujui bahawa Sufyan yang dimaksudkan oleh at-Tirmizi di sini ialah Sufyan as-Tsauri. Penegasan para `ulama' tentang Sufyan yang dimaksudkan di sini ialah Sufyan ats-Tsauri sebenarnya bersandarkan beberapa riwayat. Antara lainnya ialah riwayat `Abdur Razzaq di dalam *Mushannafnya*, at-Thabaraani di dalam *al-Mu`jam al-Kabirnya* dan al-Baihaqi di dalam *Sunan Kubranya*. Ibnu Ruslan di dalam *Matan Zubadnya* yang disusun dalam bentuk nadzam bahkan telah meletakkan kedudukan Sufyan setaraf dengan imam-imam mujtahid yang lain, seperti Imam Syafie, Malik, Ahmad dan Imam Abu Hanifah. Kata beliau:

والشافعي ومالك الثَّعْمَانُ > وأحمد بن حنبل سَفْيَان
وغيرُهم من سائر الأئمة > على هَذِي الاختلاف رَحْمَةً

Bermaksud: (Imam) Syafi'e, Malik, an-Nu'man (Abu Hanifah), Ahmad bin Hambal, Sufyan dan sekalian imam-imam yang lain selain mereka, berada di atas pertunjuk (kebenaran). Perbezaan pendapat mereka merupakan rahmat (untuk kita).

Kesimpulannya ialah Sufyan merupakan *madar* atau paksi kepada hadits yang sedang dibincangkan ini. Tidak kira saluran riwayat manapun di antara kedua riwayat yang dikemukakan oleh Imam Tirmizi, ia tetap melalui Sufyan juga akhirnya.

⁴⁷ Bin Abi Thalib al-Hasyimi. Kuniyah beliau ialah Abu Muhammad. Ibu beliau ialah Zainab binti `Ali bin Abi Thalib. Beliau meriwayatkan hadits daripada ayahnya sendiri dan daripada pak cik sebelah ibunya, Muhammad bin al-Hanafiyyah. Beliau juga meriwayatkan hadits daripada Ibnu `Umar, Jaabir, Anas dan lain-lain. Antara tokoh yang meriwayatkan hadits daripada beliau pula ialah Muhammad bin `Ajlaan, Sufyan ats-Tsauri, Sufyan bin `Uyainah, Syarik dan lain-lain. Pendapat para `ulama' Rijaal tentang `Abdillah bin Muhammad bin `Aqil secara lebih terperinci akan menyusul kemudian in syaa' Allah.

⁴⁸ Beliau ialah Muhammad bin `Ali bin Abi Thalib al-Hasyimi. Beliau ialah anak Saiyyidina `Ali dengan Khaulah binti Ja'far al-Hanafiyyah. Khaulah, ibu Muhammad adalah dari puak Bani Hanifah yang ditawan dalam satu peperangan di Yamaamah di zaman pemerintahan Saiyyidina Abu Bakar r.a. Kerana itulah beliau lebih dikenali dengan Muhammad bin al-Hanafiyyah. Muhammad meriwayatkan hadits daripada ayahnya sendiri, `Ali bin Abi Thalib. Di samping itu beliau juga meriwayatkan hadits daripada sahabat-sahabat yang lain, seperti `Utsman, `Ammaar,

Abi Hurairah, Mu'aawiyah, Ibnu 'Abbaas dan lain-lain. Antara orang-orang yang meriwayatkan hadits daripada beliau ialah lima orang anak lelakinya sendiri. Mereka ialah Ibrahim, Hasan, 'Abdullah, 'Umar dan 'Aun. Selain anak-anaknya itu, 'Athaa' bin Abi Rabaah, 'Abdullah bin Muhammad bin 'Aqil dan lain-lain juga turut meriwayatkan hadits-hadits daripada beliau. Daripada sekian ramai anak-anak Sayyidina Ali, beliaulah yang dianggap paling alim dan paling banyak meriwayatkan hadits-hadits daripada ayahnya. Muhammad bin al-Hanafiyyah adalah tsiqah berdasarkan ittifaq para 'ulama' dan beliau merupakan perawi enam kitab utama hadits. Beliau meninggal dunia pada tahun 80 atau 81H ketika berumur 65 tahun dan dikebumikan di perkuburan Baqi'.

⁴⁹ Sabda Nabi s.a.w. yang dikemukakan oleh Imam Tirmizi di bawah bab ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. **Ini ialah bahagian pertamanya.** Nabi s.a.w. mengumpamakan shalat (sembahyang) dengan khazanah yang terkunci. Seseorang baru dapat membuka dan memasuki khazanah yang terkunci itu apabila ia mempunyai anak kuncinya. Bahasa kiasan yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. ini menurut ilmu Balaghah dipanggil *استعارة مكنية مرشحة*. Di dalam isti'arah makniyyah hanya musyabbah (sembahyang) disebutkan. Musyabbah bihnya (khazanah yang terkunci) tidak disebutkan. Bagaimanapun sesuatu yang sesuai dengan musyabbah bihnya (khazanah yang terkunci) yang tidak disebutkan itu ada (disebutkan). Ia ialah anak kunci. Kerana itulah isti'arah ini dipanggil pula murasysyah. Ia merupakan bahasa kiasan yang sangat indah. Demikian juga dengan seseorang yang hendak bersembahyang, ia tidak dapat bersembahyang tanpa bersuci terlebih dahulu. Seolah-olahnya sembahyang yang hendak dikerjakan itu adalah sesuatu yang terkunci. Kerana itulah dikatakan anak kunci sembahyang itu ialah suci atau bersuci. Seseorang yang hendak bersembahyang perlulah suci daripada najis, sama ada pada tubuh, tempat dan pakaiannya. Ia juga perlu suci daripada hadats kecil dan hadats besar. Mungkin juga Nabi s.a.w. mengumpamakan sembahyang itu dengan syurga. Seseorang tidak dapat masuk syurga dalam keadaan kotor dan tidak suci. Ia terlebih dahulu disyaratkan berada dalam keadaan suci agar sesuai dengan syurga yang merupakan satu tempat yang sangat suci. Seolah-olahnya syurga itu terkunci kepada siapa saja yang tidak suci dan kotor. Untuk dapat masuk syurga manusia bukan sekadar perlu suci pada lahirnya, malah ia juga perlu suci daripada segala dosa yang mencemarkan jiwa. Kata al-Munaawi di dalam Faidhu al-Qadiriya: "Allah telah membuat anak kunci untuk segala perkara yang dituntut dan dikehendaki manusia. (1) Anak kunci sembahyang ialah suci atau bersuci. (2) Anak kunci haji ialah ihram. (3) Anak kunci kebajikan ialah sedekah. (4) Anak kunci syurga ialah tauhid. (5) Anak kunci ilmu ialah pandai bertanya dan mendengar. (6) Anak kunci kejayaan ialah kesabaran. (7) Anak kunci untuk mendapat lebih banyak ni'mat ialah bersyukur. (8) Anak kunci untuk menjadi seorang yang dikasihi dan disayangi Allah (waliyyullah) ialah zikir (ingat Allah). (9) Anak kunci kejayaan ialah ketaqwaan. (10) Anak kunci untuk mendapat taufiq (dari Allah) ialah sangat berharap kepada Allah serta menggeruniNya. (11) Anak kunci untuk diterima Allah sesuatu hajat kita ialah berdoa kepadaNya. (12) Anak kunci untuk menimbulkan rasa sukakan akhirat ialah hidup dalam kezuhudan. (13) Anak kunci iman ialah berfikir tentang kejadian-kejadian Allah. (14) Anak kunci untuk merapatkan diri kepada Allah ialah menyerahkan diri kepadaNya serta ikhlas kepadaNya dalam percintaan dan permusuhan. (15) Anak kunci untuk menghidupkan hati ialah memerhatikan isi kandungan al-Qur'an, merayu kepada Allah di waktu sahur dan meninggalkan dosa. (16) Anak kunci untuk mendapat rahmat Allah ialah mengelakkan ibadat dan menjadi

seorang yang berguna kepada masyarakat. (17) Anak kunci rezeki ialah berusaha di samping beristighfar kepada Allah. (18) Anak kunci kemuliaan ialah keta'atan. (19) Anak kunci persediaan untuk akhirat ialah pendek angan-angan. (20) Anak kunci bagi segala kebaikan ialah mengharapkan akhirat. (21) Anak kunci bagi segala keburukan ialah cintakan dunia dan panjang angan-angan. An-Nawawi, Al-'Aini dan lain-lain menulis: "Para 'ulama' ummat telah ijma' tentang haramnya bersembahyang tanpa bersuci, sama ada dengan menggunakan air atau tanah. Keperluan kepada bersuci itu tidak khusus dengan sembahyang fardhu semata-mata. Ia juga diperlukan untuk bersembahyang sunat, sujud tilawah, sujud syukur dan shalat jenazah. Sya'bi dan Muhammad bin Jarir at-Thabari berpendapat, harus bersembahyang jenazah tanpa bersuci. Pendapat ini tidak benar. Ia menyalahi ijma'. Seseorang yang bersembahyang dalam keadaan berhadats dengan sengaja, tanpa sebarang ke'uzuran berdosa. Ia tidak menjadi kafir kerananya. Bagaimanapun ada riwayat daripada Abi Hanifah bahawa beliau berkata, orang yang melakukan begitu menjadi kafir kerana ia bermain-main dengan ibadat." Sabda Nabi s.a.w. ini juga memberi erti bahawa seseorang tidak boleh bersembahyang dalam keadaan tidak suci. Sembahyang seseorang itu baru diterima apabila ia menyempurnakan syarat ini. Para 'ulama' sepakat dalam menerima bahagian pertama hadits ini. Tiada sebarang khilaf berlaku di antara mereka berhubung dengannya.

⁵⁰ "Tahrimnya takbir" bermaksud *takbiratul ihram*lah sesuatu yang menandakan sa'at permulaan haramnya sesetengah perkara yang halal kepada seseorang melakukannya sebelum ia mulai bersembahyang. Seperti makan, minum, berbual-bual, melompat dan sebagainya. Sebaik sahaja seseorang *bertakbiratul ihram* bererti ia telah memulakan sembahyangnya. Dengan itu haramlah kepadanya melakukan perkara-perkara tersebut tadi. Sebaliknya apa yang perlu dilakukannya ialah berdiri, membaca al-Qur'an, berzikir dengan zikir-zikir tertentu, bersujud dan sebagainya seperti yang disuruh oleh Syara'. **Ini ialah bahagian kedua hadits. Jumhur 'ulama' termasuk Imam Malik, Syafi'e, Ahmad, Abu Yusuf, Bukhari, Tirmizi dan lain-lain mengatakan takbiratul ihram merupakan rukun yang wajib dilakukan apabila seseorang memulakan sembahyang. Tetapi Imam Abu Hanifah dan muridnya Imam Muhammad berpendapat takbiratul ihram bukannya termasuk di dalam rukun sembahyang. Ia hanyalah salah satu dari syarat sembahyang. Berbeza dengan rukun yang merupakan satu juzu' atau sebahagian daripada struktur sesuatu, syarat bukanlah merupakan satu juzu' atau sebahagian daripadanya. Berkenaan dengan perincian tentang lafaz takbir pula, jumhur 'ulama', termasuk Imam Malik, Imam Ahmad, Imam Syafie, Imam Bukhari, Imam Tirmizi dan lain-lain berpendapat lafaznya hanyalah الله أكبر. Itu sahaja lafaz yang dibenarkan untuk takbiratul ihram. Namun menurut Imam Syafi'e dalam salah satu pendapatnya yang lain, lafaz الله الأكبر juga boleh digunakan. Alasannya ialah lafaz ini lebih mendalam ma'nanya dalam memuji Allah (لكن تعريف الخبر يقتضي حصره في المبتدأ) (kerana khabar ma'rifah memberi erti ia hanya dikhususkan untuk muftada'). Menurut Imam Abu Yusuf, jika seseorang dapat menyebut dengan baik lafaz-lafaz berikut: الله الكبير, الله الأكبر, الله أكبر atau الله كبير, tidak harus dia bertakbiratul ihram dengan lafaz-lafaz selainnya. Alasan beliau ialah lafaz takbirlah yang tersebut di dalam nas-nas. Seperti yang terdapat di dalam firman Allah ini: وَرَبِّكَ فَكَبِّرْ (Surah al-Muddatstsir:3) dan seperti yang terdapat di dalam sabda Baginda s.a.w. yang sedang kita bicarakan sekarang: وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ. Imam Abu Hanifah dan muridnya Imam Muhammad pula mempunyai pandangannya yang tersendiri. Mereka berpendapat, mana-mana lafaz yang *menta'zimkan* dan mengagungkan Allah atau mana-mana ungkapan yang khusus untuk**

Allah sahaja, seperti الله أكبر، الله أعظم، الله أجل، الرحمن أكبر، لا إله إلا الله، تبارك الله dan seumpamanya juga boleh diucapkan sebagai lafaz takbiratul ihram. Bagaimanapun seperti orang-orang lain, Abu Hanifah dan muridnya Imam Muhammad tetap beranggapan lafaz yang terbaik untuk takbiratul ihram ialah الله أكبر. Bukan sekadar itu sahaja, malah mereka berpendapat takbiratul ihram menggunakan lafaz الله أكبر itu wajib kerana adanya hadits ahaad di atas. Dengan erti orang yang meninggalkannya adalah berdosa. Mereka berdua hanya tidak menerima penggunaan lafaz itu sebagai fardu atau rukun sembahyang sahaja. Wajib sembahyang bagi mereka ialah sesuatu yang sembahyang tetap dikira sah, walaupun dalam keadaan tidak sempurna jika ditinggalkan dengan sengaja. Jika ditinggalkan dengan terlupa pula boleh ditampung dengan sujud sahwi. Fardu atau rukun sembahyang pula ialah sesuatu yang menyebabkan sembahyang tidak sah langsung jika ditinggalkan dan ia tidak dapat ditampung dengan sujud sahwi. **Antara dalil yang dipegang** Imam Abu Hanifah, Imam Muhammad dan orang-orang yang sependapat dengan mereka dalam masalah ini ialah: (1) Firman Allah s.w.t. berikut: وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى Bermaksud: dan dia ingat (menyebut) nama Tuhannya, lalu dia bersembahyang. (al-A'la:15). Di dalam ayat ini “bersembahyang” disebutkan terus selepas menyebut nama Tuhan dengan menggunakan kata penghubung ف. Maka ia tentunya berkaitan dengan memulakan sembahyang (افتتاح الصلاة). Allah menyebutkan di dalamnya “menyebut nama Tuhan” semata-mata. Dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa sembahyang akan sah apabila dimulakan dengan semata-mata menyebut mana-mana nama Tuhan. (2) Firman Allah s.w.t.: وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا Bermaksud: dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya dengan menyebut nama-nama itu, ... (al-A'raaf:180). (3) Firman Allah s.w.t.: قُلِ ادْعُوا Bermaksud: Katakanlah: “Serulah Allah atau serulah Ar-Rahman. Dengan nama yang mana saja kamu seru, Dia mempunyai al-Asmaa’ul Husna (nama-nama yang terbaik)... (al-Israa’:110). Dalil (2) dan (3) menunjukkan Tuhan boleh diseru dengan menggunakan nama Allah atau lain-lain namaNya seperti ar-Rahman dan lain-lain. Allah memerintahkan kita agar menyeruNya dengan menggunakan mana-mana namaNya yang mulia dan terbaik. Perintah yang umum dan mutlaq ini merangkumi menyebut atau menyeru nama Tuhan ketika memulakan sembahyang. Dengan itu bolehlah seseorang bertakbiratul ihram dengan mengucapkan الرحمن أجل misalnya. (4) Ibnu Abi Syaibah meriwayatkan, katanya: حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ زِيَادِ بْنِ أَبِي مُسْلِمٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا الْعَالِيَةِ سَأَلَ بَابِي شَيْءٌ كَانَ الْأَنْبِيَاءُ يَسْتَفْتَحُونَ الصَّلَاةَ قَالُوا بِالتَّوْحِيدِ وَالتَّسْبِيحِ وَالتَّهْلِيلِ Bermaksud: Abu al-‘Aaliyah pernah ditanya: “Dengan ucapan apakah para nabi memulakan sembahyang?” Jawab Abu al-‘Aaliyah: “Dengan mentauhidkan Allah, bertasbih (mengucapkan سبحان الله) dan bertahlil (mengucapkan لا إله إلا الله). (Mushannaf Ibnu Abi Syaibah j.1 m/s 238). (5) Ibnu Abi Syaibah juga meriwayatkan, katanya: حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ سُفْيَانَ عَنْ ابْنِ أَبِي لَيْلَى عَنْ الْحَكَمِ قَالَ إِذَا سَبَّحَ أَوْ Bermaksud: Kata al-Hakam: “Jika seseorang bertasbih, atau bertahlil ketika memulakan sembahyang, itu sudah pun memadai sebagai takbir.” (ibid). **Antara dalil yang menjadi** pegangan jumhur ‘ulama’ pula ialah: (1) Hadits di atas yang diriwayatkan oleh Tirmizi, Abu Daud, Daarimi, Ibnu Majah, at-Thahaawi, Ibnu Abi Syaibah, Ahmad dan lain-lain. Kata mereka, di dalam ketiga-tiga bahagian hadits berkenaan muftada’ dan khabarnya diguna Nabi s.a.w. dalam bentuk ma’rifah. Khabar ma’rifah menurut qaedah ilmu Nahu dan Balaghah bahasa ‘Arab memberi erti hashar (khusus). Ia menghasharkan (menghususkan) muftada’ dengannya. Apabila dikatakan: مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ الطَّهْوَرُ (anak kunci sembahyang itu suci), tidaklah harus difahami segala bentuk suci atau bersuci yang mungkin dilakukan oleh seseorang.